

**Perlimen: 68 Syarikat Bas Berhenti-Henti Dapat Bantuan RM16.56 Juta
Bernama
25 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Kerajaan sehingga kini telah meluluskan bantuan berjumlah RM16.56 juta kepada 68 syarikat bas berhenti-henti bagi membantu meringankan beban kos operasi syarikat terbabit, persidangan Dewan Rakyat diberitahu pada Isnin.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ahmad Maslan berkata jumlah itu adalah daripada dana sementara berbentuk geran berjumlah RM400 juta yang telah diluluskan kerajaan pada Disember tahun lepas bertujuan membantu syarikat bas berkenaan memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Menjawab soalan Datuk Johari Abdul (PKR-Sungai Petani) Ahmad berkata 15 daripada syarikat itu beroperasi di Johor, Perak (14), Selangor dan Wilayah Persekutuan (9), Sarawak (7), Kedah (5), Negeri Sembilan (5), Sabah (4), Pahang (3), Terengganu (3) dan masing-masing satu di Melaka, Kelantan dan Pulau Pinang.

Johari ingin tahu usaha sama ada kerajaan bercadang memberi peluang kepada individu mengendalikan bas itu secara bersendirian.

Ahmad berkata dasar semasa Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) menetapkan hanya syarikat sendirian berhad atau koperasi dibenarkan memohon lesen menjalankan perkhidmatan bas.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=675622>